



## TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL AKAUN SEMASA

Yang berikut adalah Terma dan Syarat Am dan Khusus yang mengawal pembukaan dan pengendalian Akaun Semasa konvensional dengan Bank.

### Terma dan Syarat Am

#### 1. **Pembukaan Akaun**

- 1.1 Saya/Kami/Organisasi dibenarkan untuk membuka rekod pelanggan dan/atau akaun pelanggan dan dengan ini memberi butir-butir yang diperlukan untuk membuka akaun tersebut dan mengaku bahawa semua maklumat adalah betul. Saya/Kami/Organisasi mengaku janji untuk memaklumkan kepada pihak Bank mengenai apa-apa perubahan pada butir-butir peribadi saya/kami.
- 1.2 Saya/Kami/Organisasi perlu menyediakan dokumen/borang yang ditetapkan oleh Bank berserta contoh tandatangan orang yang diberi kuasa oleh saya/kami untuk dilihat/disahkan oleh pegawai yang dibenarkan oleh Bank.
- 1.3 Saya/Kami/Organisasi perlu meletakkan deposit permulaan tidak kurang dari amaun minimum yang ditetapkan oleh Bank di dalam akaun tersebut.
- 1.4 Bank mempunyai hak untuk menetapkan dan mengubah dari semasa ke semasa amaun minimum bagi:-
  - 1.4.1 Deposit permulaan yang perlu didepositkan semasa pembukaan akaun;
  - 1.4.2 Baki harian yang perlu disimpan di dalam akaun.
- 1.5 Pihak Bank memerlukan seorang pencadang yang merupakan orang/firma/perbadanan yang mempunyai reputasi yang baik, diterima dan dikenali oleh Bank. Pencadang tersebut mesti hadir di Bank semasa akaun dibuka dan mesti melengkapkan Bahagian "Butir-butir Pencadang" dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank.

#### 2. **Penunaian Cek dan Pengeluaran Tunai**

- 2.1 Pengeluaran boleh dibuat seperti yang berikut:-
  - 2.1.1 Bagi tujuan penunaian cek, apabila cek dikemukakan dan pengenalan peribadi yang dapat diterima oleh Bank dikemukakan; atau
  - 2.1.2 Bagi tujuan pengeluaran tunai, dengan mengisi slip pengeluaran dan mengemukakan pengenalan peribadi yang dapat diterima oleh Bank.
- 2.2 Pengeluaran tunai menggunakan slip pengeluaran hanya diterima pakai untuk Akaun Individu Peribadi, Akaun Bersama dan Akaun Keempunyaan Tunggal selaras dengan kaedah pengendalian yang dinyatakan dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank.
- 2.3 Saya/Kami/Organisasi boleh membuat pengeluaran daripada akaun tersebut sehingga had yang Bank akan umumkan atau semak dari semasa ke semasa dan tertakluk pada baki yang ada di dalam akaun.
- 2.4 Bank berhak untuk tidak membenarkan pengeluaran dibuat daripada akaun sekiranya Bank tidak menerima bukti yang memuaskan berhubung dengan identiti, dan/atau sekiranya wang tidak mencukupi di dalam akaun dan/atau sekiranya undang-undang, mahkamah atau pihak penguatkuasaan melarang pengeluaran wang daripada akaun berkenaan.

#### 3. **Mata Wang Akaun**

- 3.1 Akaun tersebut hendaklah dikendalikan dalam Ringgit Malaysia dan semua cek yang dikeluarkan hendaklah mengikut mata wang yang berkenaan.

#### 4. **Liabiliti**

- 4.1 Sekiranya terdapat mana-mana cek, draf, wang pos dan kiriman wang, dll. saya/kami yang hilang, tersalah letak, dirosakkan atau dimusnahkan semasa urusan pungutan biasa Bank, dengan ini saya/kami/Organisasi bersetuju bahawa saya/kami/Organisasi tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian, liabiliti atau ganti rugi yang saya/kami/Organisasi mungkin alami, tanggung atau dipertanggungjawabkan berikutan berlakunya kejadian sedemikian.
- 4.2 Apabila Bank menerima atau menanggung liabiliti bagi pihak saya/kami atau atas permohonan saya/kami, apa-apa dana atau sekuriti dan barang berharga lain milik saya/kami yang didepositkan dengan Bank dan dalam jagaan Bank hendaklah secara automatik menjadi sekuriti kepada Bank. Bank mempunyai hak untuk menyimpan dana atau sekuriti atau barang berharga demikian yang ada pada Bank atau mana-mana pun daripadanya dan berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menolak cek-cek saya/kami sehingga liabiliti diselesaikan.
- 4.3 Dengan ini, saya/kami/Organisasi memberi keizinan kepada Bank untuk mendedahkan maklumat seperti yang mungkin diperlukan oleh Bank Negara Malaysia menurut arahan mereka dan/atau kepada syarikat dalam Kumpulan Public Bank dan institusi-institusi kewangan lain bagi tujuan penilaian kredit yang bona fide. Dengan berbuat demikian, Bank hendaklah dilepaskan daripada apa juga tanggungjawab atau liabiliti.

\*Nota: Pendeposit bererti pelanggan dalam konteks dokumen ini.

- 4.4 Sekiranya Bank melantik atau terpaksa melantik peguamcara untuk menguatkuasakan mana-mana haknya di bawah ini atau sebaliknya sama ada melalui prosiding guaman atau apa-apa cara lain berkaitan dengan akaun saya/kami, saya/kami/Organisasi bertanggungjawab untuk membayar Bank semua kos, fi dan caj yang berkaitan dengannya dan Bank mempunyai hak untuk mendebit akaun bagi kos, fi dan caj berkenaan.
- 4.5 Saya/Kami/Organisasi bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dan saya/kami/Organisasi hendaklah menanggung rugi Bank sepenuhnya dan mengelakkan Bank daripada menanggung semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh saya/kami atau Bank dengan mana-mana atau semua akaun Bank, atau berikutan daripada pelaksanaan apa-apa arahan oleh Bank atau sekiranya mana-mana akaun bank saya/kami atau mana-mana bahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau rasmi.
- 4.6 Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang saya/kami alami, seandainya Bank mematuhi atau tidak mematuhi arahan pembayaran yang dikeluarkan oleh saya/kami yang tidak lengkap atau tidak jelas atau sekiranya amaun deposit tidak mencukupi untuk membayar caj bank dan amaun yang dinyatakan dalam arahan sedemikian atau disebabkan oleh atau akibat daripada perniagaan atau operasi, yang terhalang atau terganggu disebabkan oleh kelewatan, pemalsuan tandatangan penandatanganan, dan/atau pemalsuan berikutan kecuaiannya saya/kami, permusuhan, terputus bekalan elektrik atau bekalan kuasa atau perhubungan atau sistem rangkaian komunikasi lain, rusuhan, sekatan, mogok, larangan, atau kerosakan mesin atau peralatan.
- 4.7 Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Bank menurut mana-mana arahan yang kononnya ditandatangani oleh pihak saya/kami atau wakil yang dibenarkan oleh saya/kami, merupakan pembayaran sepenuhnya dan Bank hendaklah dilepaskan daripada apa-apa liabiliti kepada saya/kami dan mana-mana pihak yang berkenaan.
- 5. Perubahan Peraturan**
- 5.1 Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk mengubah, meminda atau menyemak apa-apa Terma dan Syarat di dalam ini, ciri-ciri dan manfaat akaun tersebut dengan memberi saya/kami notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar tanpa perlu memberi apa-apa sebab untuknya. Semua perubahan hendaklah disiarkan melalui laman web Bank atau melalui kaedah lain yang Bank anggap sesuai.
- 6. Perubahan Rekod**
- 6.1 Saya/Kami/Organisasi hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta secara bertulis mengenai apa-apa perubahan dalam rekod-rekod berkenaan yang dikendalikan oleh Bank seperti perubahan penandatanganan yang dibenarkan, pertukaran rakan kongsi (bagi akaun perkongsian), perubahan pada Memorandum dan Tataurusan Pertubuhan atau Perlembagaan, pertukaran alamat, dll.
- 7. Penutupan Akaun**
- 7.1 Sekiranya saya/kami/Organisasi ingin menutup akaun saya/kami, saya/kami/Organisasi dikehendaki mematuhi perkara-perkara yang berikut:-
- 7.1.1 Memberi notis secara bertulis yang ditandatangani oleh semua pemegang akaun mengenai hasrat saya/kami untuk menutup akaun saya/kami. Arahan untuk menutup akaun saya/kami yang dinyatakan secara lisan atau melalui telefon, faksimile atau e-mel internet tidak diterima oleh Bank.
- 7.1.2 Mengembalikan semua cek yang belum digunakan dengan serta-merta kepada Bank.
- 7.2 Saya/Kami/Organisasi hendaklah mengendalikan akaun dengan cara yang memuaskan dan mengikut peraturan ini, sekiranya gagal berbuat demikian, Bank mempunyai hak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menutup dengan serta-merta akaun saya/kami dengan memberi notis secara bertulis atau mengikut masa yang telah ditetapkan di dalam notis tersebut dan Bank tidak terikat untuk mendedahkan atau memberikan apa-apa sebab mengenainya. Bank akan mengeluarkan Cek Jurubank untuk jumlah di dalam akaun, selepas ditolak kos pentadbiran atau kos-kos lain yang ditanggung oleh Bank dan akan mengepos Cek Jurubank tersebut ke alamat terakhir saya/kami yang didaftarkan dengan Bank.
- 7.3 Menurut peruntukan garis panduan Sistem Maklumat Cek Tak Laku (DCHEQS), Bank mempunyai hak untuk menutup akaun saya/kami disebabkan oleh pengeluaran tiga (3) atau lebih cek tak laku dalam tempoh dua belas (12) bulan tanpa mengira sama ada pengeluaran cek tak laku itu dilakukan dengan Bank atau mana-mana bank lain.
- 7.4 Bank mempunyai hak mengikut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa untuk menghalang apa-apa pengendalian akaun berkenaan, sekiranya Bank mengesyaki bahawa akaun tersebut digunakan untuk apa juga tujuan yang menyalahi undang-undang.
- 8. Penggantungan Akaun**
- 8.1 Hubungan kontraktual antara saya/kami dengan Bank akan ditamatkan dan pengendalian akaun saya/kami akan ditamatkan dalam keadaan yang berikut:-
- 8.1.1 Kematian, hilang akal atau bankrap; dan/atau
- 8.1.2 Bagi syarikat terhad, pemfailan penggulungan petisyen terhadap saya/kami.
- 8.1.3 Pelaksanaan apa-apa proses guaman atau perintah daripada mahkamah ke atas Bank terhadap akaun saya/kami.

## 9. **Penyata Akaun**

- 9.1 Penyata akaun saya/kami akan dihantar sebulan sekali atau pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Bank, melainkan saya/kami/Organisasi ialah pengguna Perkhidmatan PBe yang berdaftar dan telah mendaftar untuk Perkhidmatan e-Penyata yang mana saya/kami/Organisasi boleh memuat turun penyata akaun dalam bentuk elektronik daripada halaman web tersebut.
- 9.2 Saya/Kami/Organisasi bersetuju dan mengaku janji untuk memeriksa dengan teliti catatan dalam penyata dengan segera dan melaporkan dengan serta-merta kepada Bank mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan yang terdapat di dalamnya. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh penyata mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkaitan dengan catatan debit atau kredit dalam penyata, saya/kami/Organisasi dianggap telah menerima catatan sedemikian yang dibuat sehingga tarikh catatan terakhir dalam penyata sebagai betul, mengikat, akhir dan muktamad dan dengan itu, mengakui sebagai betul semua pengeluaran atau debit lain ke dalam akaun tersebut.
- 9.3 Saya/Kami/Organisasi tidak boleh selepas tamatnya tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar itu mempertikaikan apa-apa butiran dalam penyata itu bagi apa juga sebab tertakluk sentiasa bahawa Bank mempunyai hak mutlak untuk menolak apa-apa butiran yang tersilap dikreditkan ke dalam akaun saya/kami. Seterusnya saya/kami/Organisasi mengaku janji untuk membayar balik segala catatan yang tersilap dikreditkan ke dalam akaun saya/kami/Organisasi dan menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian yang Bank mungkin tanggung disebabkan oleh catatan kredit yang tersilap itu.
- 9.4 Lanjutan daripada perniagaan perbankan, saya/kami/Organisasi dengan ini bersetuju untuk tidak menuntut daripada Bank apa juga tuntutan ke atas apa-apa tandatangan yang tidak dibenarkan atau apa-apa pengubahsuaian sekiranya ada, sekiranya Bank tidak dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh penyata.

## 10. **Hak Untuk Mendebit Akaun**

- 10.1 Bank mempunyai hak mutlak untuk mendebit akaun saya/kami bagi apa-apa draf, wang pos dan kiriman pos atau apa-apa instrumen yang sebelum ini dikreditkan atau didiskaun sekiranya ia tak laku atau tidak berbayar, atau untuk apa-apa caj/perbelanjaan lain yang dikenakan daripadanya dan bagi apa-apa fi, komisen, atau apa-apa caj perkhidmatan yang berkenaan, fi pengendalian atau apa-apa fi dan caj lain yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa atau cukai lain seumpamanya yang dikenakan sama ada dikuatkuasakan pada masa ini atau yang akan dikuatkuasakan dan boleh dicaj menurut undang-undang bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberi oleh Bank kepada saya/kami.
- 10.2 Saya/Kami/Organisasi bersetuju untuk membayar dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit akaun bagi caj-caj perkhidmatan seperti di bawah:-
- 10.2.1 Caj perkhidmatan bagi setiap setengah tahun yang ditetapkan oleh Bank akan dikenakan ke atas semua akaun yang tidak memenuhi keperluan baki purata kredit setengah tahun yang ditetapkan oleh Bank;
- 10.2.2 Caj perkhidmatan ke atas setiap cek yang dikemukakan, tak laku disebabkan ketidakcukupan dana dan/atau dibatalkan;
- 10.2.3 Pengeluaran buku cek baru, kad ATM, tambahan/salinan penyata akaun.

## 11. **Hak Untuk Menolak Selesai**

- 11.1 Saya/Kami/Organisasi bersetuju bahawa selain apa-apa lien am atau hak serupa lain yang Bank sebagai jurubank mungkin berhak dari segi undang-undang, Bank boleh pada bila-bila masa, dengan notis awal selama tujuh (7) hari kalendar, menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun perbankan saya/kami dengan dan liabiliti kepada Bank di mana juga ia berada dan menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah atau baki kredit yang terdapat dalam Akaun Semasa ini untuk membayar apa-apa liabiliti kami kepada Bank sama ada liabiliti kepada Bank itu adalah pada masa ini, masa hadapan, sebenar, luar jangka, utama atau cagaran atau berasingan atau bersesama.
- 11.2 Seterusnya, setakat mana liabiliti saya/kami kepada Bank adalah luar jangka atau masa hadapan, liabiliti Bank kepada saya/kami untuk membuat bayaran apa-apa jumlah wang yang terdapat di dalam kredit Akaun Semasa ini hendaklah setakat perlu untuk membayar liabiliti sedemikian ditunda sehingga berlakunya kejadian luar jangka atau masa hadapan berkenaan.
- 11.3 Sekiranya penggabungan, tolak selesai atau pindahan sedemikian memerlukan penukaran suatu mata wang ke suatu mata wang yang lain, penukaran sedemikian hendaklah dikira pada kadar pertukaran semerta Bank (seperti yang ditentukan oleh Bank secara muktamad) untuk pembelian mata wang yang mana saya/kami/Organisasi bertanggungjawab terhadap mata wang sedia ada yang telah ditukarkan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian berikutan pelaksanaan haknya ini.

## 12. **Cek**

- 12.1 Cek yang dikeluarkan dan dikemukakan kepada Bank untuk pungutan mesti mematuhi peraturan Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (CTCS) Bank Negara Malaysia.
- 12.2 Bank tidak akan mengambil kira sama ada terdapat atau tidaknya apa-apa cap/meterai syarikat atau meterai peribadi dan/atau tanda yang serupa pada mana-mana cek dengan pelaksanaan peraturan CTCS itu.
- 12.3 Saya/Kami/Organisasi akan memastikan bahawa mandat bagi pengendalian akaun tidak memerlukan cap/meterai syarikat atau meterai peribadi atau tanda yang serupa pada mana-mana cek yang hendak dikeluarkan atau dikemukakan untuk penjelasan.
- 12.4 Saya/Kami/Organisasi bertanggungjawab untuk menyimpan buku cek saya/kami dengan baik. Sekiranya ada cek yang hilang, dicuri atau tersalah letak, saya/kami/Organisasi akan dengan serta-merta melaporkannya secara bertulis kepada Bank.

- 12.5 Cek tidak boleh dikeluarkan atas nama Bank kecuali dalam bentuk dan kandungan yang dibekalkan oleh Bank dan didaftarkan bagi setiap akaun. Permohonan untuk buku cek hendaklah dibuat dengan menggunakan Slip Permohonan yang terdapat dalam buku cek. Slip Permohonan itu mestilah ditandatangani dengan sewajarnya oleh saya/kami dan bagi melindungi kepentingan saya/kami, saya/kami/Organisasi dikehendaki membaca dan mengikut dengan rapi nota peringatan yang tercetak pada bahagian dalam kulit buku cek.
- 12.6 Saya/Kami/Organisasi akan memeriksa baki saya/kami yang ada sebelum mengeluarkan apa-apa cek bagi mengelakkan cek dipulangkan disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi.
- 12.7 Sekiranya saya/kami/Organisasi mengeluarkan beberapa cek atau memberi beberapa arahan bayaran daripada akaun dan jumlah agregat cek atau arahan bayaran melebihi baki kredit saya/kami yang sedia ada atau apa-apa persetujuan yang dibuat terlebih dahulu dengan Bank, Bank berhak, tanpa mengambil kira tarikh yang tertulis pada cek atau tarikh arahan tersebut dibuat, masa penerimaan atau jumlahnya, untuk menentukan mengikut budi bicara mutlaknya, cek atau arahan mana yang perlu dibayar atau dilaksanakan.
- 12.8 Saya/Kami/Organisasi akan menanggung rugi Bank, selaku Bank pemungut, untuk semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa juga liabiliti lain dan pada bila-bila masa yang Bank mungkin tanggung bagi apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen-instrumen lain yang dikemukakan oleh saya/kami untuk pungutan dan hendaklah dianggap telah dipungut atas permohonan nyata saya/kami dalam setiap kes untuk dikreditkan dalam akaun saya/kami.
- 12.9 Cek-cek boleh dikeluarkan dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris atau Bahasa Cina sahaja. Bank mempunyai hak pada bila-bila masa untuk menolak pungutan dan tidak melayan mana-mana cek yang dikeluarkan dalam apa juga bahasa lain.
- 13. Pindaan/Perbezaan Tandatangan**
- 13.1 Bank boleh menolak untuk membayar cek yang tandatangan padanya berbeza daripada contoh yang diberikan kepada Bank.
- 13.2 Pindaan pada cek walaupun disahkan dengan tandatangan penuh saya/kami adalah tidak dibenarkan dan Bank tidak akan menerima semua cek yang mempunyai pindaan tanpa merujuk seterusnya kepada saya/kami.
- 13.3 Mesin taip elektrik/elektronik dan dakwat boleh padam tidak boleh digunakan untuk menulis cek. Menurut Seksyen 64 Akta Pertukaran Bil 1949, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian berikutan apa-apa pindaan yang tidak dapat dikesan dengan mudah.
- 14. Akaun Bersama**
- 14.1 Kami, pemegang-pemegang akaun bersetuju bahawa sekiranya salah seorang pemegang akaun meninggal dunia, pihak Bank dibenarkan untuk membayar baki yang ada dalam kredit akaun ini kepada mereka yang masih hidup dan pembayaran tersebut hendaklah merupakan bayaran yang sah oleh Bank akan jumlah yang perlu dibayar daripada akaun ini.
- 14.2 Kami bersetuju dengan cara akaun dikendalikan seperti yang ditetapkan di dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang ditandatangani oleh kami. Kami juga bersetuju dan mengakui bahawa mandat yang diberi bagi pengendalian akaun ini boleh ditamatkan oleh salah seorang daripada kami dan Bank berhak untuk bertindak atas arahan yang sama. Dalam keadaan sedemikian, Bank boleh mengikut budi bicaranya untuk tidak membenarkan apa-apa pengeluaran dibuat daripada akaun tersebut sehingga mandat baharu diterima daripada kami.
- 14.3 Kami, pemegang-pemegang akaun bersetuju dan membenarkan Bank:-
- 14.3.1 Untuk mengkreditkan dana ke dalam Akaun Bersama sama ada dalam bentuk tunai atau melalui pindahan elektronik, cek dan instrumen boleh niaga kepunyaan atau yang boleh dibayar kepada salah seorang/mana-mana daripada kami. Sebagai balasan terhadap perkara di atas dan oleh sebab Bank bersetuju untuk memasukkan semua jumlah yang diterima oleh Bank sama ada dalam bentuk tunai atau melalui pindahan dana elektronik atau daripada cek dan instrumen boleh niaga lain atas nama salah seorang/mana-mana daripada kami untuk dikreditkan ke dalam akaun bersama dan untuk menghantar apa-apa instrumen atau cek yang Bank mungkin pegang untuk akaun bersama kepada salah seorang/mana-mana daripada kami; dan
- 14.3.2 Untuk menerima notis bertulis, dalam bentuk yang diterima oleh Bank, ditandatangani dan dikemukakan dengan sewajarnya oleh kami semua mengenai hasrat untuk menutup Akaun Bersama itu selepas menerima notis bertulis yang diserahkan sendiri kepada Bank oleh salah seorang daripada kami. Selanjutnya, kami bersetuju dan mengakui bahawa apa-apa arahan daripada kami kepada Bank untuk menutup Akaun Bersama itu, yang dinyatakan secara lisan atau menerusi telefon, faksimile atau e-mel internet, tidak diterima oleh Bank.
- Kami secara bersejajarnya dan berasingan mengaku janji untuk tidak memudaratkan Bank dan terus menanggung rugi Bank bagi semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, tindakan, saman, ganti rugi, kos, caj, perbelanjaan dan liabiliti-liabiliti lain apa juga pun dan bila-bila masa juga pun yang ditanggung atau berikutan daripada kebenaran di atas, tertakluk pada hak Bank untuk menolak pada bila-bila masa dan mengikut budi bicara Bank atau apa juga sebab apa-apa wang, pindahan dana elektronik, cek atau instrumen boleh niaga lain yang diterima, atau disebabkan oleh keengganan Bank untuk bertindak atau bertindak atas arahan kami untuk menutup Akaun Bersama dan membayar baki dalam Akaun Bersama tersebut sebagaimana yang diarahkan oleh kami.
- 14.4 Sekiranya salah seorang daripada kami beragama Islam, akaun tersebut tertakluk pada Syariah.
- 15. Akaun Luar**
- 15.1 Sesuatu akaun luar boleh dibuka oleh bukan pemastautin (iaitu seseorang, firma, institusi atau syarikat yang bukan pemastautin).
- 15.2 Seorang bukan pemastautin tidak dibenarkan untuk membuka akaun pemastautin.

- 15.3 Semua cek yang dikeluarkan untuk kegunaan pemegang akaun luar hendaklah ditanda "Akaun Luar" dan "Wilayah pemastautin tetap pemegang Akaun Luar" tersebut dengan jelas.
- 15.4 Sumber dan penggunaan dana dalam Akaun Luar tertakluk pada peraturan yang dikuatkuasakan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.

**16. Akaun Perkongsian Liabiliti Terhad ("LLP")**

Kami, wakil Organisasi, untuk dan bagi pihak LLP dengan ini:-

- 16.1 Mengesahkan bahawa penandatanganan dibenarkan bagi pengendalian Akaun LLP bukan orang yang mufliis dan mereka juga tidak dilarang daripada mengambil bahagian dalam pengurusan LLP;
- 16.2 Mengesahkan bahawa kami akan dengan segera memaklumkan kepada Bank secara bertulis:-
- 16.2.1 Sekiranya terdapat pertukaran rakan kongsi bagi LLP dan/atau apa-apa pertukaran penandatanganan dibenarkan bagi pengendalian Akaun LLP dan
- 16.2.2 Sekiranya mana-mana rakan kongsi mufliis atau selepas ini menjadi mufliis, dan dalam keadaan sedemikian, kami, wakil yang berkenaan akan mengemukakan kepada Bank Notis berkaitan yang diserahkan dengan Pendaftar berhubung dengan penamatan seorang Rakan Kongsi atau kemasukan Rakan Kongsi baharu atau Resolusi baharu yang disahkan memaklumkan kepada Bank mengenai pertukaran dalam penandatanganan dibenarkan bagi Akaun LLP, mana-mana yang berkenaan;
- 16.3 Mengesahkan bahawa sekiranya seorang rakan kongsi bagi LLP, yang juga penandatanganan dibenarkan bagi Akaun LLP mufliis/menjadi mufliis, Bank dibenarkan untuk tidak menerima cek yang ditandatangani oleh rakan kongsi yang mufliis itu sebagai laku dan Bank juga berhak untuk memulangkan cek tersebut dengan menulis perkataan "Pengesahan Penyuruh Bayar Diperlukan", dan bahawa LLP tersebut hendaklah memberi kepada Bank Resolusi baharu yang disahkan; dan
- 16.4 Menanggung rugi dan tidak akan menjejaskan Bank daripada apa-apa tuntutan yang dibuat oleh sesiapaupun atau kerugian yang ditanggung oleh Bank oleh sebab Bank bergantung kepada representasi dalam perkara 16.1 di atas, bergantung sepenuhnya atas semua maklumat, representasi dan dokumen yang diberikan kepada Bank, termasuk Resolusi yang dikemukakan oleh LLP bagi pembukaan dan pengendalian LLP, Bank menerima cek yang dikeluarkan daripada akaun LLP yang ditandatangani oleh penandatanganan LLP yang dibenarkan menurut Resolusi terbaharu yang ada dalam rekod Bank dan/atau sekiranya cek yang dikeluarkan daripada LLP tidak diterima sebagai laku dan dipulangkan menurut perkara 16.3 di atas.

**17. Cap Getah**

- 17.1 Cetakan cap getah firma/syarikat/persatuan/kelab/pertubuhan mesti diletakkan pada borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank berserta tandatangan contoh orang yang dibenarkan untuk mengendalikan akaun tersebut.

**18. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)**

- 18.1 Deposit yang disenggara oleh saya/kami dalam Akaun ini dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000.00 bagi setiap pendeposit\*.
- 18.2 Wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans saya/kami tidak lagi dilindungi oleh PIDM:-
- 18.2.1 Jika tujuannya adalah bagi pembelian unit dalam skim unit amanah/pembukaan akaun simpanan dalam Lembaga Tabung Haji/pembukaan skim simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional, dll.
- 18.2.3 Jika dipindahkan kepada:-
- (a) Akaun deposit yang boleh dibayar di luar Malaysia;
- (b) Akaun deposit yang dipegang oleh institusi kewangan yang menjalankan perniagaan perbankan di Labuan atau perniagaan perbankan Islam di Labuan;
- (c) Akaun deposit yang dipegang oleh ahli bukan pengambil deposit PIDM;
- (d) Akaun bukan deposit (misalnya skim unit amanah, akaun perdagangan sekuriti, dll.); atau
- (e) Akaun deposit tidak berinsurans (misalnya Akaun Pelaburan Emas, Instrumen Deposit Boleh Niaga Runcit, dll.).

\*Nota: Pendeposit bererti pelanggan dalam konteks dokumen ini.

**19. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM) Mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk**

- 19.1 Saya/Kami/Organisasi memahami dan mengesahkan bahawa menurut Seksyen 134 Akta Perkhidmatan Kewangan ("APK") 2013, Bank dibenarkan dari segi undang-undang untuk mendedahkan maklumat mengenai urusan saya/kami, akaun perbankan atau penyenggaraannya (termasuk kedudukan kredit saya/kami) kepada pihak ketiga seperti yang diluluskan oleh BNM bagi memudahkan dan/atau membenarkan Bank dan/atau syarikat-syarikat yang berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya dan/atau fungsi-fungsi mereka dan dengan ini saya/kami/wakil Organisasi memberi kebenaran tidak boleh ubah kepada Bank dan membenarkan Bank untuk memberikan maklumat berkaitan kepada mana-mana penjamin (penjamin-penjamin)/pihak sekuriti, peguam Bank, ejen pemungut hutang, pihak ketiga dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti yang Bank mengikut budi bicara mutlaknya anggap perlu atau wajar bagi membolehkan Bank dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya dan/atau fungsi-fungsi mereka. Dengan berbuat demikian, saya/kami/Organisasi bersetuju bahawa Bank hendaklah dibebaskan daripada apa-apa juga tanggungjawab atau liabiliti.

## 20. Notis Perlindungan Data dan Keizinan

- 20.1 Saya/Kami/Organisasi maklum bahawa Notis Privasi Bank mengenai pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan perkongsian maklumat peribadi saya/kami dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya boleh didapati melalui laman web Bank. Notis Privasi Bank juga boleh diperolehi daripada mana-mana cawangan Bank.
- 20.2 Saya/Kami/Organisasi juga maklum mengenai tujuan Bank untuk memaklumkan kepada saya/kami mengenai maklumat, pengumuman dan berita penting mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran Bank dan Syarikat-syarikat Gabungannya. Senarai Syarikat gabungan Bank boleh didapati dalam Notis Privasi Bank.
- 20.3 Saya/Kami/Organisasi memahami bahawa saya/kami/Organisasi layak untuk mendapat akses kepada dan untuk memohon agar pembetulan dibuat maklumat peribadi saya/kami/Organisasi yang ada pada Bank dan bahawa saya/kami/Organisasi boleh memaklumkan kepada Bank untuk tidak lagi menggunakan maklumat peribadi saya/kami bagi tujuan yang dinyatakan dalam perkara 20.2 di atas dan bahawa permintaan ini boleh dibuat secara bertulis kepada Bank di cawangan pemegang akaun saya/kami atau dengan menghantarnya ke Jabatan Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 13, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
- 20.4 Dengan ini, saya/kami/Organisasi mengesahkan bahawa saya/kami/Organisasi dibenarkan oleh Rakan Kongsi firma/pengarah Syarikat dan pemegang saham Syarikat untuk mendedahkan data peribadi saya kepada Bank dan selanjutnya mengesahkan untuk dan bagi pihak Organisasi dan Rakan kongsi firma/pengarah Syarikat dan pemegang saham Syarikat bahawa Bank dibenarkan untuk mendedahkan kepada, berkongsi dengan atau menerima daripada agensi pelaporan kredit yang dilesenkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 atau menjalankan carian dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau untuk membuat pertanyaan dan mendapatkan pengesahan mengenai status kredit Organisasi dan Rakan Kongsi firma/pengarah Syarikat dan pemegang saham Syarikat. Organisasi maklum bahawa Bank tidak dapat mempertimbangkan permohonan Organisasi di dalam ini tanpa pengesahan atau kebenaran yang dinyatakan di atas.

## 21. Akta Wang Tak Dituntut 1965

- 21.1 Saya/Kami/Organisasi maklum mengenai peruntukan mengenai Akta Wang Tak Dituntut 1965, dalam mana akaun deposit saya/kami akan dikelaskan sebagai wang tidak dituntut selama tujuh (7) tahun dari tarikh urus niaga terakhir yang dikendalikan oleh saya/kami, dan dengan itu dana di dalam akaun itu hendaklah dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.
- 21.2 Saya/Kami/Organisasi bersetuju untuk pergi sendiri ke Bank sebelum tamatnya tempoh tujuh (7) tahun yang tersebut di atas untuk membuat urus niaga pengeluaran atau pendepositan untuk mengaktifkan semula akaun tersebut. Sebagai balasan kepada pihak Bank kerana bersetuju dengan permohonan saya/kami/Organisasi, saya/kami/Organisasi bersetuju dan mengaku janji untuk tidak mempertanggungjawabkan dan menanggung rugi pihak Bank untuk semua liabiliti bagi apa-apa kelewatan/ketinggalan/kesilapan dalam melaksanakan arahan-arahan saya/kami yang tersebut di atas.
- 21.3 Sekiranya saya/kami/Organisasi gagal untuk mengaktifkan semula akaun tersebut, saya/kami/Organisasi maklum bahawa Bank akan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari sebelum memindahkan dana dalam akaun tersebut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

## 22. Standard Pelaporan Biasa (CRS) dan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)

- 22.1 “**CRS**” ialah Undang-undang Percukaian Biasa mengenai Pertukaran Maklumat secara Automatik yang diperkenalkan oleh Organisasi bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) untuk bertukar-tukar maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin. Ia menghendaki Public Bank Berhad dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya termasuk subsidiari, syarikat-syarikat berkaitan dan cawangan (“Kumpulan PBB”), mana yang berkenaan, untuk mengumpul maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin atau rakyat Malaysia yang merupakan pemastautin cukai asing untuk melaporkan maklumat berkenaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan untuk bertukar-tukar maklumat kewangan pelanggan dengan wilayah bidang kuasa kena lapor CRS pada setiap tahun.
- 22.2 “**FATCA**” ialah undang-undang yang digubal oleh Kerajaan Amerika Syarikat (A.S.) yang memerlukan Kumpulan PBB yang mengambil bahagian dalam aturan FATCA sama ada melalui Perjanjian Antara Kerajaan atau melalui Perjanjian Institusi Kewangan Asing untuk melaporkan maklumat akaun yang berkaitan dengan Orang A.S. menerusi LHDNM/pihak berkuasa percukaian yang berkaitan atau terus kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri A.S. (IRS) pada setiap tahun.  
  
Dalam mencapai matlamat penguatkuasaan dan pematuhan pada undang-undang cukai FATCA dan CRS, Kumpulan PBB bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat peribadi tambahan pelanggan, persijilan dan dokumen daripada semua pelanggan individu yang mempunyai hubungan perniagaan dan urusan dengan Kumpulan PBB. Maklumat sedemikian boleh diperolehi semasa akaun dibuka atau pada bila-bila masa selepas itu, terutamanya sekiranya terdapat perubahan dalam keadaan.
- 22.3 Saya/Kami/Organisasi bersetuju dan mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari sekiranya terdapat perubahan pada maklumat saya/kami/Organisasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pertukaran alamat kediaman/perniagaan, nombor telefon, kerakyatan, maklumat pengenalanpastian cukai peribadi/organisasi, pemilihan syarikat dsbnya. Saya/Kami/Organisasi akan mengemukakan kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan, dokumen yang diperlukan bagi membuktikan perubahan tersebut dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh perubahan.
- 22.4 Dengan ini saya/kami/Organisasi secara khusus mengizinkan Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan untuk mendedahkan maklumat percukaian saya/kami/Organisasi bagi tujuan pelaporan CRS dan FATCA yang termasuk tetapi tidak terhad kepada Nombor Pengenalan Cukai (TIN) saya/kami/Organisasi kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang lain bagi tujuan untuk memastikan pematuhan Bank dan Kumpulan PBB kepada undang-undang yang diterima pakai dan peraturan-peraturan di bawah FATCA dan CRS.

- 22.5 Dengan ini saya/kami/Organisasi mengesahkan bahawa:-
- 22.5.1 Saya/Kami/Organisasi akan mematuhi semua kewajipan saya/kami di bawah perkara 22.3 dan 22.4 di atas;
- 22.5.2 Semua maklumat yang diberikan oleh saya/kami/Organisasi dalam bentuk borang dan dokumen adalah lengkap dan/atau diberi kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan adalah benar, betul, boleh dipercayai dan terkini; dan
- 22.5.3 Bank atau mana-mana anggota dalam Kumpulan PBB dibenarkan untuk mendedahkan maklumat akaun kewangan saya/kami/Organisasi kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan seperti yang diperlukan.
- 22.6 Dengan ini saya/kami/Organisasi mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya saya/kami/Organisasi enggan, gagal dan/atau abai dalam mengemas kini rekod saya/kami/Organisasi dengan Bank atau Kumpulan PBB atau mematuhi keperluan FATCA dan/atau CRS dan/atau memberi maklumat palsu, tidak betul, tidak tepat atau lapuk kepada Bank atau Kumpulan PBB, Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan, berhak untuk melaksanakan yang berikut:-
- 22.6.1 Menutup akaun saya/kami/Organisasi dengan Bank dan apa-apa akaun yang saya/kami/Organisasi ada dengan Kumpulan PBB;
- 22.6.2 Enggan memberi perkhidmatan baharu Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan, kepada saya/kami/Organisasi; dan
- 22.6.3 Memberi maklumat akaun saya/kami/Organisasi kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan dalam memenuhi kewajipan FATCA dan CRS Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan.
- 22.7 Saya/Kami/Organisasi mengesahkan bahawa saya/kami/Organisasi akan mendapatkan nasihat guaman bebas mengenai kewajipan saya/kami/Organisasi di bawah FATCA dan CRS dan akan memastikan pematuhan sepenuhnya kepada nasihat itu dan selanjutnya mengesahkan bahawa Bank atau mana-mana anggota dalam Kumpulan PBB tidak berkewajipan untuk memberi nasihat guaman dan/atau cukai mengenai perkara tersebut.

**23. Kad Debit PB Lifestyle (Pemohon Individu Atau Pemilik Tunggal Sahaja)**

- 23.1 Saya/Kami mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan lengkap dan membenarkan Bank untuk mengesahkan daripada apa-apa sahaja sumber yang difikirkan sesuai oleh Bank termasuk LHDNM dan seterusnya untuk cuba memperoleh dan mendapatkan maklumat kredit berkaitan dengan permohonan ini daripada mana-mana sumber dan dengan apa jua cara yang Bank anggap wajar. Saya/Kami mengakui bahawa Kad saya/kami tersebut hanya boleh digunakan tertakluk pada Terma dan Syarat Perjanjian Ahli Kad Debit PB Lifestyle dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syaratnya. Saya/Kami bersetuju untuk membayar fi tahunan semasa apabila kad diluluskan dan akan menerima liabiliti bersesama dan berasingan bagi semua caj pada Akaun (Akaun-akaun) saya/kami dengan Bank. Bank mempunyai hak mutlak untuk melulus atau menolak permohonan saya/kami seperti yang Bank anggap wajar tanpa memberikan apa-apa sebab.
- 23.2 Saya/Kami mengesahkan telah membaca dan memahami Terma dan Syarat Kad Debit PB Lifestyle dan dengan ini bersetuju bahawa Terma dan Syarat Kad Debit PB Lifestyle mengikat ke atas saya/kami.
- 23.3 Sekiranya saya/kami perlu menutup akaun saya/kami atau berlakunya apa-apa perubahan dalam apa juga bentuk lain, dengan ini saya/kami mengaku janji untuk memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera dan memulangkan dengan segera Kad Debit PB Lifestyle kepada cawangan yang mengeluarkan kad untuk pembatalan/penamatan serta-merta.
- 23.4 Sekiranya saya/kami gagal untuk memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera mengenai apa-apa perubahan bagi cara pengendalian akaun saya/kami, saya/kami tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh saya/kami dan saya/kami mengaku janji bahawa saya/kami akan, pada setiap masa selepas itu, menanggung rugi Bank (pemegang hak milik yang kemudiannya dan penerima serah haknya) sepenuhnya dan terus menanggung rugi Bank bagi semua liabiliti berkaitan dengannya dan terhadap semua tindakan, saman, prosiding, tuntutan, permintaan, kerugian, kos, ganti rugi dan apa juga perbelanjaan lain yang mungkin diambil atau dibuat terhadap Bank atau yang ditanggung oleh Bank berikutan daripadanya.

**24. Pemberitahuan Mengenai Penggunaan Kad Debit PB Lifestyle**

- 24.1 Saya/Kami bersetuju bahawa apabila saya/kami menggunakan Kad Debit PB Lifestyle saya/kami di rangkaian perniagaan runcit, sejumlah wang yang bersamaan dengan jumlah pembelian yang terkumpul akan dipegang daripada Akaun Semasa PBB saya/kami sehingga urusan niaga tersebut dijelaskan oleh Bank.
- 24.2 Saya/Kami akan memastikan baki yang ada dalam Akaun Semasa PBB saya/kami mencukupi untuk menampung pembelian yang hendak dibuat dengan menggunakan Kad Debit PB Lifestyle saya/kami.
- 24.3 Had Pembelian Runcit harian ditetapkan sebanyak RM3,000.00 untuk setiap kad dalam sehari. Bagaimanapun, saya/kami dibenarkan untuk menetapkan had pembelian runcit daripada RM0.00 kepada RM10,000.00 (dalam gandaan RM1,000.00) di mana-mana ATM Bank.
- 24.4 Saya/Kami maklum bahawa had Pengeluaran Tunai harian ATM ditetapkan sebanyak RM5,000.00 untuk setiap kad dalam sehari. Bagaimanapun, saya/kami dibenarkan untuk menetapkan had pengeluaran daripada RM1,000.00 kepada RM5,000.00 (dalam gandaan RM1,000.00) di mana-mana ATM Bank.
- 24.5 Sebelum membuat apa-apa urusan niaga pengeluaran wang tunai melalui ATM di luar negeri, saya/kami akan memastikan bahawa pengaktifan kad dilaksanakan melalui mesin ATM Bank atau saya/kami akan menghubungi 603-2179 5000/603-2176 8111.
- 24.6 Urusan niaga bagi "Tanpa Kad" dan "Urus niaga Runcit di Luar negeri" secara automatik tidak boleh dibuat sekiranya had yang dikehendaki tidak ditetapkan bagi Kad Debit PB Lifestyle. Bagaimanapun, saya/kami dibenarkan untuk membolehkan urusan niaga dibuat atau kemudiannya tidak membenarkan urusan niaga dibuat melalui mana-mana ATM/CRM Bank.

24.7 Had terkumpul Visa payWave/MasterCard PayPass/MyDebit Contactless bagi urus niaga tanpa PIN ditetapkan pada RM500.00 bagi setiap kad sekiranya saya/kami tidak menetapkan had yang saya/kami kehendaki. Bagaimanapun, saya/kami dibenarkan untuk menentukan had terkumpul Visa payWave/MasterCard PayPass/MyDebit Contactless tersebut dari RM0.00 kepada RM500.00 (dalam gandaan RM10.00) melalui mana-mana ATM/CRM Public Bank/Public Islamic Bank Berhad. Saya/Kami dikehendaki membuat urus niaga dengan memasukkan PIN untuk menetapkan semula had terkumpul tersebut apabila Visa payWave/MasterCard PayPass/MyDebit Contactless saya/kami mencapai had terkumpulnya.

25. **Perkhidmatan PBe**

25.1 Individu yang memohon perkhidmatan PBe mesti berumur lapan belas (18) dan ke atas.

25.2 Dengan ini saya/kami bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank dan pada setiap masa melindungi Bank sepenuhnya daripada dan terhadap semua tuntutan dan permintaan, tindakan dan prosiding, kerugian dan perbelanjaan termasuk kos guaman seperti antara peguamcara dengan pelanggan dan semua liabiliti lain dalam apa juga bentuk yang mungkin dibuat atau diambil atau dialami atau ditanggung oleh Bank berhubung dengan atau dalam apa-apa cara berikutan daripada kuasa yang diberi oleh saya/kami. Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa liabiliti saya/kami adalah liabiliti berlanjutan dan akan terus berkuat kuasa sepenuhnya sehingga liabiliti Bank, sekiranya ada, dilaksanakan sepenuhnya mengikut kehendak Bank. Saya/Kami telah membaca dan memahami Terma dan Syarat mengenai akses Perkhidmatan PBe tersebut dan dengan ini bersetuju bahawa Terma dan Syarat tersebut hendaklah mengikat ke atas saya/kami. Dengan ini, saya/kami mengakui bahawa tiada apa-apa perubahan kepada mandat saya/kami bagi pengendalian akaun kepada Bank.

26. **Notis dan Komunikasi**

26.1 Saya/Kami/Organisasi akan memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan alamat. Segala surat-menyurat yang dihantar melalui pos oleh Bank yang dialamatkan atau dihantar ke alamat terakhir yang didaftarkan dengan Bank dianggap sebagai telah dihantar kepada saya/kami.

26.2 Semua notis dan komunikasi kepada saya/kami adalah secara bertulis dan boleh dihantar melalui e-mel internet atau dipamerkan di premis dan melalui laman web Bank. Apa-apa proses undang-undang boleh dihantar kepada saya/kami melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir saya/kami yang didaftarkan dengan Bank hendaklah dianggap telah dihantar dengan sewajarnya dan diterima oleh saya/kami.

26.3 Bank berhak dari semasa ke semasa untuk mengenakan atau mengubah apa-apa fi dan caj dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar dengan mempamerkan fi dan caj baharu itu di premis dan melalui laman web Bank.

27. **Perakuan**

27.1 Saya/Kami/Organisasi dikehendaki menyempurnakan dan melengkapkan borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang dilampirkan yang kemudiannya akan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.

28. **Lain-Lain**

28.1 Saya/Kami/Organisasi mengaku bahawa sebelum atau pada waktu akaun dibuka, saya/kami/Organisasi tidak:-

28.1.1 Dilaporkan kepada Sistem Maklumat Cek Tak Laku (DCHEQS) sejak dua belas (12) bulan lepas; dan/atau

28.1.2 Melakukan apa-apa tindakan kemufilsan; dan/atau

28.1.3 Tertakluk pada apa-apa resolusi atau petisyen pembubaran atau ketidakmampuan bayar yang dibuat/dikemukakan terhadap saya/kami.

Saya/Kami/Organisasi seterusnya bersetuju bahawa sekiranya nama saya/kami tertera dalam Laporan Sistem Maklumat Cek Tak Laku (DCHEQS) oleh Bank Negara Malaysia, dan/atau sekiranya saya/kami melanggar mana-mana yang tersebut di atas, Bank mempunyai hak mutlak pada bila-bila masa untuk menutup akaun ini tanpa memberi notis terlebih dahulu.

28.2 Dengan menandatangani borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank dan menurunkan cap getah Organisasi tersebut, saya/kami/Organisasi mengesahkan bahawa saya/kami/Organisasi telah menerima, membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat dan Peraturan Akaun Deposit Bank, Panduan Pelanggan mengenai Sistem Maklumat Cek Tak Laku (DCHEQS) yang disemak semula (sekiranya ada), Notis Mandat (sekiranya ada) untuk mematuhi dan terikat dengan dan apa-apa pindaan atau perubahan padanya yang Bank mungkin perkenalkan kemudiannya, semak semula, ubah atau ganti kemudiannya boleh didapati melalui laman web Bank dan/atau pada papan kenyataan di cawangan-cawangan dan/atau yang mungkin diberitahu melalui apa juga cara yang Bank anggap sesuai.

28.3 Saya/Kami/Organisasi selanjutnya bersetuju bahawa dengan terus mengekalkan dan menyetujui operasi akaun (akaun-akaun) saya/kami selepas tarikh kuat kuasa pindaan atau perubahan yang dibuat, saya/kami/Organisasi dianggap sebagai menerima pindaan dalam Terma dan Syarat yang hendaklah mengikat dan konklusif bagi saya/kami.

28.4 Dengan ini, saya/kami/Organisasi bersetuju untuk menanggung rugi Bank sebagai bank pemungut bagi semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa-apa liabiliti dan pada bila-bila masa yang Bank mungkin alami bagi apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen-instrumen lain yang dikemukakan oleh saya/kami yang dibuat secara lisan dalam setiap kes untuk kredit akaun saya/kami.

28.5 Saya/Kami/Organisasi bersetuju dan mengaku janji:-

28.5.1 Untuk tidak mendedahkan identiti laluan (ID) dan kod laluan/kata laluan kepada mana-mana orang, melalui e-mel, panggilan telefon atau melalui laman web yang tidak dikenali selain daripada laman web rasmi Bank dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya mendapatkan kod laluan/kata laluan dan memastikan peranti keselamatan dilindungi pada setiap masa; dan



- 28.5.2 Untuk memeriksa semua notifikasi berkenaan urus niaga tepat pada waktunya dan untuk menyemak baki akaun, penyata mana-mana akaun bank atau instrumen pembayaran yang ditentukan secara tetap, untuk mengesan urus niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan, dan untuk melaporkan kepada Bank dan pengeluar instrumen pembayaran secepat mungkin yang munasabah sekiranya urus niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan dikesan.
- 28.6 Selanjutnya, saya/kami/Organisasi mengaku janji untuk membuat laporan mengenai kod laluan/kata laluan yang telah diterobos atau mengenai kehilangan peranti keselamatan kepada Bank secepat mungkin yang munasabah, sebaik sahaja menyedari mengenai penerobosan atau kehilangan tersebut dan mengaku janji untuk melaporkannya dengan segera kepada Bank mengenai kesilapan atau percanggahan yang ditemui dalam mana-mana penyata atau entri. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa maklumat secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar daripada tarikh penyata mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkenaan dengan entri debit atau entri kredit dalam penyata tersebut, saya/kami/Organisasi akan dianggap sebagai telah menerima entri berkenaan yang dibuat sehingga tarikh akhir entri dalam penyata tersebut sebagai betul, muktamad dan konklusif dan, dengan itu, menerima kesemua pengeluaran atau debit lain kepada akaun di dalam ini.
- 28.7 Sekiranya permohonan untuk membatalkan pembayaran cek dipohon oleh orang selain daripada pemegang akaun semasa peribadi, saya/kami/Organisasi, bersetuju bahawa pembatalan apa-apa cek melalui "Permintaan Pemberhentian Cek" yang dibuat melalui Perkhidmatan PBe atau melalui pemberitahuan secara bertulis kepada Bank, atau yang diterima oleh Bank melalui Borang Arahan Pemberhentian Bayaran Cek yang lengkap, mestilah disempurnakan atau ditandatangani oleh:-
- 28.7.1 Salah seorang pemegang akaun bersama (untuk Akaun Bersama); atau
- 28.7.2 Salah seorang penandatangan yang dibenarkan (untuk Organisasi, contohnya Akaun Perkongsian, Akaun Syarikat, dsbnya.);
- dengan syarat** cek tersebut belum dikemukakan untuk pembayaran. Saya/Kami/Organisasi bersetuju bahawa arahan pemberhentian cek tersebut hendaklah mengikat kepada semua pemegang akaun bersama atau Organisasi berkenaan, mengikut keadaan, walau apa pun kaedah pengendalian atau had kebenaran untuk menandatangani bagi Akaun Semasa Organisasi tersebut.
- 28.8 Saya/Kami/Organisasi bersetuju bahawa apa-apa kaedah arahan yang lain untuk membatalkan bayaran cek yang dibuat secara lisan atau melalui telefon, faksimile atau e-mel tidak diterima oleh Bank. Bagaimanapun, sekiranya atas sebab-sebab tertentu pemegang akaun/Organisasi terpaksa berbuat demikian, Bank atas budi bicara mutlaknya mungkin menerima arahan melalui kaedah yang digunakan itu mengikut keadaan dengan syarat arahan daripada pemegang akaun/Organisasi tersebut mestilah disahkan dengan segera secara bertulis dalam bentuk dan kandungan yang diterima oleh Bank. Bank tidak akan dalam apa juga keadaan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang dialami oleh pemegang akaun/Organisasi berikutan arahan untuk pembatalan pembayaran cek itu yang dibuat secara lisan, menerusi telefon, faksimile atau e-mel di internet.
- 28.9 Saya/Kami/Organisasi mengaku janji dan bersetuju untuk menanggung rugi, tidak memudaratkan dan tidak mempertanggungjawabkan Bank pada setiap masa daripada semua tindakan, tuntutan, prosiding, kos dan/atau kerugian walau bagaimana sekalipun ia berlaku yang Bank mungkin tanggung atau ditanggungjawabkan oleh sebab Bank bersetuju dengan arahan pembatalan pembayaran yang diberi oleh salah seorang pemegang akaun (bagi Akaun Bersama) atau salah seorang penandatangan yang dibenarkan oleh Organisasi tersebut. Saya/Kami/Organisasi juga bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang dialami oleh saya/kami oleh sebab Bank tidak bertindak ke atas arahan pembatalan pembayaran cek itu.
- 28.10 Selain daripada undang-undang dan peraturan Bank, akaun tersebut tertakluk pada cukai dan polisi atau undang-undang peraturan, arahan atau permohonan daripada pihak berkuasa kerajaan atau pengawalseliaan (sama ada yang mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang mengenakan atau mengubah suai apa-apa keperluan yang Bank perlu patuhi. Saya/Kami/Organisasi bersetuju untuk mematuhi dasar, arahan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, undang-undang Malaysia termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing dan apa-apa pindaan atau pengubahsuaian kepadanya.
- 28.11 Saya/Kami/Organisasi boleh membuat deposit ke dalam akaun saya/kami dengan:-
- 28.11.1 Mengisi dengan lengkap slip masuk wang Bank dengan butir-butir yang berkaitan dan mengemukakannya di kaunter yang berkenaan bersama-sama dengan tunai/cek/draf/wang pos/kiriman wang yang berkaitan; dan
- 28.11.2 Menunggu teler mengembalikan keratan slip masuk wang. Pastikan keratan itu mempunyai tandatangan Pegawai Bank yang Dibenarkan atau disahkan oleh mesin teler Bank. Apa-apa perubahan ketara pada keratan tersebut akan mentaksahkannya kecuali perubahan itu mempunyai tandatangan penuh Pegawai Bank Yang Dibenarkan; atau
- 28.11.3 Mendeposit cek (cek-cek) atau tunai di Terminal Layan Diri Bank; dan
- 28.11.4 Menunggu mesin mencetak Resit Deposit Cek atau Resit Deposit Tunai sebagai bukti pendepositan. Pastikan bahawa cetakan Resit Deposit Cek/Tunai menunjukkan dengan betul deposit yang dibuat.
- 28.12 Cek, draf, wang pos dan kiriman wang, dsbnya. diterima untuk pungutan sahaja dan keratan yang diberi kepada saya/kami tidak boleh dianggap bahawa deposit ke dalam akaun saya/kami telah dijelaskan. Saya/Kami/Organisasi boleh membuat pengeluaran melalui persetujuan khas atau selepas Bank mengkreditkan akaun saya/kami sebaik sahaja dokumen-dokumen yang diterima untuk pungutan dijelaskan.
- 28.13 Dokumen-dokumen berikut mungkin dikembalikan melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir saya/kami yang didaftarkan dengan Bank atas risiko dan pembiayaan saya/kami:-
- 28.13.1 Imej atau maklumat cek yang tak sah laku.
- 28.13.2 Draf, wang pos dan kiriman wang, dsbnya. yang tak sah laku.

- 28.14 Saya/Kami/Organisasi memastikan nombor akaun, nombor cek dan butir-butir berkenaan adalah betul (contohnya amaun, tarikh, penerima bayaran, dsbnya.) dinyatakan di dalam surat pemberitahuan saya/kami, Borang Arahan Pemberhentian Bayaran Cek atau dalam "Perkhidmatan PBe Permintaan Pemberhentian Cek".
- 28.15 Fi pentadbiran akan dikenakan dan perlu dibayar terlebih dahulu atau akan didebitkan daripada akaun semasa untuk setiap cek yang dibatalkan pembayarannya. Maklumat mengenai fi pentadbiran boleh didapati dalam laman web Bank.
- 28.16 Saya/Kami/Organisasi mengizinkan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan kepada Bank Negara Malaysia, mana-mana pihak berkuasa/badan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, mana-mana penjamin/pihak sekuriti, dan/atau peguamnya atau mana-mana ejen pemungut hutang pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti apa-apa maklumat berkaitan dengan hal-ehwal saya/kami, akaun perbankan atau pengendaliannya (termasuk kedudukan kredit saya/kami) setakat mana dan untuk tujuan yang Bank atas budi bicara mutlaknya menganggap perlu atau wajar.
- 28.17 Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah tertakluk pada peruntukan-peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan apa-apa pengubahsuaian lain kepadanya atau apa-apa arahan daripada Bank Negara Malaysia atau sebagaimana yang diarahkan dan dikehendaki oleh badan kawal selia lain seumpamanya dari semasa ke semasa.
- 28.18 Terma dan Syarat di atas mengawal selia peraturan am bagi pembukaan dan pengendalian Akaun Semasa dan mungkin berubah bergantung kepada jenis produk Akaun Semasa.

### **Terma dan Syarat Khusus**

#### **1. Akaun Semasa PLUS**

- 1.1 Kaedah pengiraan faedah atas baki kredit akaun-akaun yang dikelaskan di bawah kategori tertentu Pihak Berkuasa Kerajaan dan Badan-badan Berkanun akan ditentukan oleh Bank.
- 1.2 Kemudahan overdraf boleh dibenarkan hanya mengikut budi bicara Bank. Faedah akan dikira setiap hari berdasarkan baki debit terakhir pada kadar yang ditetapkan oleh Bank.

#### **2. Akaun ACE/Akaun ACE Enterprise/Akaun Premier ACE**

- 2.1 Akaun ACE hanya diterima pakai untuk individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.
- 2.2 Akaun ACE Enterprise dibuka untuk bukan individu yang merupakan keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, pertubuhan dan sebagainya.
- 2.3 Akaun Premier ACE terbuka kepada pelanggan Perbankan Red Carpet Bank yang berumur lapan belas (18) dan ke atas. Akaun Premier ACE akan ditukarkan kepada Akaun ACE apabila Keahlian Perbankan Red Carpet ditamatkan.
- 2.4 Kaedah pengiraan faedah atas baki kredit akaun akan berdasarkan peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Bank.
- 2.5 Akaun ini memberi faedah berdasarkan baki harian dengan syarat baki sedemikian adalah amaun yang Bank tetapkan dari semasa ke semasa pada faedah semasa yang diumumkan oleh Bank dari semasa ke semasa tertakluk sentiasa kepada hak Bank untuk menahan suatu jumlah daripada faedah yang saya/kami peroleh, sebagai cukai tertahan, atau apa-apa cukai, levi atau bayaran lain yang mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dari semasa ke semasa.
- 2.6 Faedah akan dikira berdasarkan harian dan faedah sedemikian hendaklah dikreditkan ke dalam akaun pada hari ke lima belas (ke-15) setiap bulan.
- 2.7 Bank mempunyai hak pada bila-bila masa untuk menyemak semula kadar faedah dengan mempamerkan kadar-kadar baharu tersebut di premis Bank dan melalui laman web Bank.
- 2.8 Saya/Kami/Organisasi bersetuju untuk membayar dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit akaun bagi caj perkhidmatan bulanan seperti yang ditetapkan oleh Bank yang akan dikenakan bagi semua akaun yang tidak memenuhi syarat-syarat baki purata kredit bulanan yang ditetapkan oleh Bank.
- 2.9 Kemudahan overdraf tidak disediakan di bawah Akaun ACE/Akaun ACE Enterprise/Akaun Premier ACE.

#### **3. Akaun Semasa Basic/Akaun Semasa Basic 55**

- 3.1 Kemudahan overdraf tidak disediakan di bawah Akaun Semasa Basic/Akaun Semasa Basic 55.

#### **4. Akaun Semasa PB CurrentLink**

- 4.1 Kemudahan overdraf tidak disediakan di bawah Akaun Semasa PB CurrentLink.
- 4.2 Mata ganjaran BonusLink akan diberi berdasarkan struktur pengeluaran mata ganjaran BonusLink seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Mata ganjaran BonusLink tidak akan diberi kepada pelanggan bagi bulan apabila akaun tersebut ditutup.
- 4.3 Dengan ini, saya/kami tanpa boleh batal dan tanpa syarat bersetuju untuk tidak memudaratkan dan menanggung rugi Bank (pemegang hak milik yang kemudiannya dan penerima serah haknya) daripada dan terhadap semua tindakan, saman, prosiding, tuntutan, permintaan, kerugian, ganti rugi, kos, caj dan perbelanjaan apa jua yang ditanggung oleh Bank yang mungkin diambil atau dibuat terhadap Bank berikutan penggunaan Kad BonusLink.

Sekiranya berlaku apa-apa pertikaian atau percanggahan antara teks Bahasa Inggeris dan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.